



Bahasa Melayu (5 & 6 Tahun)

Kefahaman

Topik: Perayaan

Baca petikan di bawah dan jawab soalan yang diberikan.

Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang kaum. Antara kaum yang terdapat di Malaysia ialah kaum Melayu, Cina dan India.

Kaum Melayu menyambut Hari Raya Aidilfitri pada bulan Syawal. Mereka akan saling bermaafan pada pagi raya dan menziarahi sanak-saudara.

Kaum Cina pula menyambut Tahun Baru Cina. Persembahan tarian singa merupakan salah satu acara menarik yang sering ditunggu-tunggu oleh ramai orang.

Kaum India menyambut Deepavali. Deepavali ialah pesata cahaya. Kaum india akan menyalakan pelita dan membuat kolam. Kolam ialah satu seni daripada beras yang mempunyai pelbagai warna.

Terdapat satu lagi perayaan yang disambut oleh ramai rakyat Malaysia yang beragama Kristian. Perayaan itu ialah Hari Natal. Mereka akan menghiasi rumah mereka dengan hiasan yang cantik dan kanak-kanak diberikan hadiah.

1. Bilakah kaum Melayu menyambut Hari Raya Aidilfitri?

- a. Pada bulan Ramadhan.
- b. Setiap minggu.
- c. Pada bulan Syawal.
- d. Setiap hari.

2. Apakah nama tarian yang dilakukan pada perayaan Tahun Baru Cina?

- a. Tarian zapin.
- b. Tarian bharata natyam.
- c. Tarian kipas.
- d. Tarian singa.

3. Apakah antara aktiviti dilakukan oleh kaum India pada Pesta Cahaya?

- a. Melukis dan membaca buku.
- b. Menyalakan pelita dan membuat kolam.
- c. Bermain basikal.
- d. Mengemas pelita.

4. Siapakah yang menyambut perayaan Hari Natal?

- a. Orang yang beragama Kristian.
- b. Semua rakyat Malaysia.
- c. Kaum India.
- d. Kaum Cina.